

PELABURAN

Kerjaya Prospek peroleh dua kontrak

KUALA LUMPUR - Kerjaya Prospek Group Bhd (Kerjaya Prospek) memperoleh dua kontrak pembinaan berjumlah RM197.71 juta melalui dua anak syarikat milik penuhnya.

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia, syarikat itu memaklumkan anak syarikatnya, Permatang Bakti Sdn Bhd, memperoleh kontrak bernilai RM100.22 juta daripada Serta Usaha Sdn Bhd (SUSB) bagi pelaksanaan dan penyiapan kerja-kerja bangunan di Shah Alam, Selangor.

SUSB merupakan anak syarikat milik penuh Kerjaya Prospek Property Bhd, dengan penglibatan secara langsung atau tidak langsung oleh beberapa pengarah dan pemegang sahamnya.

Kerjaya Prospek berkata kontrak itu melibatkan pembinaan sebuah pangsapuri perkhidmatan setinggi 39 tingkat dengan 479 unit yang terletak di Seksyen 15, Shah Alam. - *Bernama*